

Jangan Jadikan Tangga & Tandas Sarang Merokok Anda!

Selaras dengan arahan JPA berkenaan premis kerajaan diwartakan sebagai zon larangan merokok, adalah dimaklumkan bahawa Pihak Pengurusan MATRADE telah memutuskan bahawa **Menara MATRADE adalah zon larangan merokok melainkan kawasan-kawasan yang telah dikhaskan untuk merokok** berkuatkuasa pada 28 Disember 2020.

Hebahan berhubung perkara ini telah dibuat oleh Unit Pentadbiran melalui emel **Lokasi Baharu untuk Merokok di Menara MATRADE** pada 24 Disember 2020 yang lalu. Tempat khas untuk merokok yang disediakan bagi Menara MATRADE adalah di **kawasan Taman Haruman MATRADE dan kawasan berdekatan tangga ke MITI**.

Namun begitu, hasil pemerhatian dan aduan yang diterima oleh Unit Integriti amat mendukacitakan. Masih terdapat segelintir perokok yang tidak cakna dengan peraturan ini dengan menjadikan tangga serta tandas sebagai tempat merokok. Sikap yang tidak bertanggungjawab ini bukan sahaja menimbulkan rasa kurang selesa malah memudaratkan kesihatan rakan sekerja yang lain.

Jadilah Warga MATRADE yang lebih prihatin dan bertanggungjawab dengan mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

*Pergi ke pekan membeli ikan
Ikan dimasak goreng berlada
Patuhilah peraturan yang ditetapkan
Supaya imej MATRADE tetap terjaga*

#imejkitatanggungjawabkita



JANGAN JADIKAN **TANGGA** & **TANDAS** **SARANG** **MEROKOK** **ANDA!**

Tempat khas untuk merokok yang disediakan di Menara MATRADE adalah di kawasan Taman Haruman MATRADE dan kawasan berdekatan tangga ke MITI.



#integriti8/2021

